| Headline | Discovery Park bandar luar biasa | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 01 Dec 2018 | Language | Malay |
| Frequency | Daily | Circulation | 112,705 |
| Readership | 338,115 | Section | Bisnes |
| Color | Full Color | Page No | 41 |
| ArticleSize | 204 cm² | AdValue | RM 8,036 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 24,109 |



# Discovery Park bandar luar biasa

**Kota Kemuning:** Discovery Park sebahagian daripada projek Gamuda Cove akan menjadi destinasi tumpuan utama pelancong tempatan dan antarabangsa apabila ia mula dibuka pada pertengahan tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Gamuda Land, Ngan Chee Meng berkata, projek seluas 20.2 hektar yang akan terbahagi kepada tiga zon rekreasi iaitu *Adventure Park*, sukan ekstrim, *Sports Park* kemudahan sukan bertaraf antarabangsa, *Hangout Village* dengan suasana hab sosial yang unik.

Katanya, sebagai pemaju perbandaran pihaknya mahu mempersiapkan bandar yang dapat kekal relevan untuk generasi masa kini dan akan datang.




***NGAN (tengah) pada majlis menandatangani enam perjanjian kerjasama dengan rakan kerjasama di Kota Kemuning, Shah Alam.***

"Untuk membina bandar yang berkualiti, apa yang terbaik adalah untuk meletakkan asas kukuh yang bukan saja kepada hartanah kediaman, tetapi perkhidmatan, ketersambungan, infrastruktur dan landskap.

"Dengan kepelbagaian dan keunikan tawaran disediakan melalui Discovery Park dalam projek berprestij Gamuda Cove ini, ia dapat menghasilkan suasana perbandaran masa depan yang luar biasa," katanya.

Powered by: isentia